

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 16.03.2016

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah wang derma atau sumbangan ikhlas tanpa balasan kepada ahli politik, pegawai pendakwa raya, hakim, anggota polis dan kakitangan Kerajaan tidak melanggar Seksyen 165 Kanun Keseksaan atau Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Bukankah menerima wang derma merupakan salah satu bentuk suapan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Di bawah seksyen 16 dan seksyen 17, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, derma akan menjadi suapan sekiranya ia diterima sebagai dorongan untuk seseorang melakukan

atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi dan ada hubungan serta fungsi rasmi .

Manakala di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan pula, adalah menjadi kesalahan jika seseorang penjawat awam menerima hadiah daripada seseorang yang ada kaitan dengan fungsi atau tugas rasmi penjawat awam itu walaupun tidak ada dorongan.

Sekian, terima kasih.